

60 peserta sertai Kembara Berbasikal UMS-KAL 2012

um 19.09.2012 26

LABUAN 18 Sept. - Seramai 60 peserta telah menyertai program Kembara Berbasikal dan Bermotor sempena Hari Malaysia 2012 anjuran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), baru-baru ini.

Mereka terdiri daripada 25 pelajar UMS-KAL yang mengayuh basikal dan 15 peserta motosikal kuasa besar manakala peserta selebihnya, menunggang motosikal 'kacai'.

Peserta mengelilingi Pulau Labuan kira-kira 20 kilometer (km) dengan melalui beberapa jalan utama dan kampung untuk menge-darkan bendera Jalur Gemilang dan risalah Hari Malaysia.

Majlis perasmian dan pelepasan peserta disempurnakan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yussof Mahal.

Hadir sama, Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus, Penggarah UMS-KAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali, Dekan Sekolah Perniagaan, Kewangan Antarabangsa La-buan (SPKAL), Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Zainul Abidin dan Pe-gawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil.

Yussof berkata, beliau menga-lu-alukan inisiatif UMS-KAL mengan-jurkan program itu untuk memeriah-kan sambutan Hari Malaysia pering-kat Wilayah Persekutuan Labuan.

Katanya, golongan pelajar wajar



YUSSOF Mahal (dua dari kiri) melepaskan peserta program Kembara Berbasikal dan Bermotor anjuran UMS-KAL di Labuan, baru-baru ini.

didedahkan dengan program murni itu yang mampu meningkatkan ke-cintaan mereka terhadap negara ter-masuk menghormati Jalur Gemilang.

"Melalui kembara itu juga, pe-lajar dapat mengenali serba sedikit beberpa jalan dan kampung yang dikunjungi serta beramah mesra

dengan warga Labuan," katanya.

Sementara itu, Dr. Ismail berkata, program kembara itu dapat meng-hindarkan pelajar daripada melaku-kan perbuatan yang kurang sihat.

"Selain menyihatkan badan de-ngan mengayuh basikal, program itu dapat mendisiplin pelajar te-

rutaima mematuhi peraturan jalan raya," ujarnya.

Katanya, pihak UMS-KAL sen-tiasa menyokong dan menggalak-kan pelajar menyertai program se-perti itu kerana ia mampu mer-apatkan hubungan dengan jabatan dan agensi kerajaan.